



ISDC2014 CONFERENCE PROCEEDINGS

ISBN: 978-967-0474-74-8

PERSEPSI TERHADAP KECURANGAN : SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI ANTARA PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN

Norhamidah Jarimal @ Safri*, Murnizam Hj. Halik, Balan Rathakrishnan, Jasmine Adela Mutang, Risalshah Latif, Azahar Che Latiff & Surianti Lajuma

*hamidahj@ums.edu.my
Universiti Malaysia Sabah

Abstract

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji perbezaan persepsi terhadap kecurangan mengikut jantina iaitu dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kecurangan yang dikaji adalah berfokus kepada dua aspek iaitu kecurangan fizikal dan emosi. Aspek lain yang diteroka dalam kajian ini adalah persepsi individu terhadap faktor berlakunya kecurangan dalam hubungan, persepsi terhadap perasaan individu apabila berlaku kecurangan serta persepsi terhadap daya tindak yang dilakukan oleh individu jika berlaku kecurangan dalam hubungan. Seramai 191 orang (63 lelaki dan 128 perempuan) yang terdiri daripada pelajar prasiswazah di salah sebuah institut pengajian tinggi di Malaysia telah dijadikan sebagai responden kajian. Satu set soal selidik yang dibangunkan oleh Gallagher (2010) telah digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi terhadap faktor berlakunya kecurangan dalam hubungan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Namun demikian, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan dari aspek persepsi terhadap kecurangan fizikal dan emosi, perasaan yang dialami jika berlaku kecurangan dan daya tindak yang dilakukan jika berlaku kecurangan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Implikasi penemuan dibincangkan dan hala tuju untuk kajian akan dating dinyatakan.

Keywords: persepsi, kecurangan, pasangan, hubungan, gender

PENGENALAN

Kajian berkaitan fenomena kecurangan memberi ruang kepada individu untuk menyatakan persepsi mereka terhadap kecurangan (Cramer, Lipinski, Meteer, & Houska, 2008). Walau bagaimanapun, Cramer, et al., percaya bahawa kecurangan itu bukan sahaja melibatkan fizikal tetapi juga emosi. Alasan yang diberikan sebagai punca kepada kecurangan juga dinyatakan secara berasingan daripada hilang minat sehingga hubungan seksual dan emosi yang tidak memuaskan (Allen, Rhoades, Markman, Williams, Melton, & Clements, 2008).

Meneliti dengan lebih lanjut mengenai perbezaan persepsi kecurangan mengikut jantina, adalah penting untuk mengenalpasti apakah persepsi seseorang individu dan apakah yang menyebabkan berlakunya kecurangan. Hal ini dilihat sebagai salah satu cara untuk membantu orang ramai mengelakkkan kecurangan dalam perhubungan mereka. Kecurangan boleh berlaku dalam sesuatu perhubungan disebabkan oleh hakikat bahawa lelaki dan perempuan tidak mentakrifkan kecurangan dengan cara yang sama atau lelaki dan perempuan juga tidak bersepakat mengenai apakah perkara atau perbuatan yang boleh dianggap sebagai kecurangan (Allen, et al. 2008). Bukti, kajian mendapati lelaki memberikan punca berlakunya kecurangan adalah disebabkan masalah hubungan seksual manakala perempuan pula memberikan sebab komunikasi yang tidak berkesan menjadi punca berlakunya kecurangan dalam perhubungan (Zuhal & Dogan, 2006).

Beberapa kajian telah dijalankan dan dapat digunakan sebagai rujukan untuk kajian ini kerana ianya dilihat berkaitan secara spesifik dengan kepentingan kajian. Kajian lepas berkaitan maklumat mengenai persepsi dan definisi kecurangan atau ketidaksetiaan antara lelaki dan wanita dilihat sebagai berkaitan. Kajian yang tertumpu kepada persepsi individu mengenai apa yang dianggap sebagai kecurangan dan tindakan mereka terhadap kecurangan yang sedang dihadapi (Henline et al, 2007; Randall & Byers, 2003) juga akan diberi perhatian.

Dalam satu kajian yang memberi tumpuan kepada tekanan subjektif terhadap kecurangan, didapati terdapat perbezaan persepsi terhadap kecurangan mengikut jantina (Cramer, et al., 2008). Kajian tersebut telah dijalankan menggunakan soal selidik bagi mengukur jangkaan responden terhadap kecurangan pasangan mereka yang merujuk kepada soalan ketidaksetiaan dari segi emosi dan fizikal. Kajian mereka mendapati bahawa lelaki merasakan pasangan perempuan mereka lebih cenderung kepada kecurangan emosi berbanding kecurangan seksual. Perempuan merasakan bahawa pasangan lelaki mereka lebih cenderung kepada kecurangan secara fizikal berbanding kecurangan emosi. Hasil lain menunjukkan perempuan lebih tertekan jika pasangan mereka terlibat dengan kecurangan emosi dan lelaki lebih tertekan jika pasangan mereka melakukan kecurangan fizikal.

Satu kajian lain yang memberi tumpuan kepada mengapa kecurangan berlaku telah dijalankan dengan menggunakan pelajar-pelajar kolej (Cohen 2005). Kajian ini mendapati bahawa kecurangan berlaku dalam perhubungan disebabkan oleh pasangan yang tidak berpuas hati dari segi seksual atau emosi. Kajian mendapati bahawa lelaki lebih cenderung untuk menjadi curang dari segi seksual dan wanita lebih cenderung untuk menjadi curang dari segi emosi akibat daripada ketidakpuasan hati mereka terhadap pasangan masing-masing (Cohen 2005). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mendapati perbezaan dalam sebab berlakunya kecurangan di antara lelaki dan wanita.

Menyokong perbezaan persepsi kecurangan mengikut jantina, dalam kajian pada peringkat pra-perkahwinan mengenai kecurangan perkahwinan, punca bagi kecurangan mengikut jantina telah dikaji (Allen, et al. 2008). Kajian ini menggunakan *selfreport* dan pemerhatian untuk mendapatkan penemuan kedua-dua lelaki dan perempuan secara berasingan. Keputusan menunjukkan sebab-sebab yang berbeza bagi kecurangan antara lelaki dan perempuan. Punca lelaki berlaku curang adalah disebabkan hubungan seksual dan kepuasan yang rendah serta komunikasi yang negatif. Punca bagi perempuan pula adalah disebabkan kepuasan seksual yang lebih tinggi pada awal hubungan berbanding keadaan semasa dan komunikasi yang negatif. Dapatkan ini menyokong bahawa lelaki dan perempuan percaya terdapat punca yang berbeza mengapa kecurangan boleh berlaku dalam perhubungan.

Terdapat juga kajian lain yang menyokong bahawa terdapat sebab yang berbeza berlakunya kecurangan. Kajian yang dilakukan memberi tumpuan kepada sebab lelaki dan perempuan menjadi curang. Kajian tersebut meminta lelaki dan perempuan menjawab mengapa mereka merasakan kecurangan boleh berlaku (Zuhal & Dogan, 2006). Kajian mereka mendapati bahawa lelaki menyifatkan kecurangan berlaku dalam hubungan akibat daripada hubungan seksual yang tidak memuaskan antara pasangan manakala perempuan menyifatkan kecurangan berlaku akibat daripada hubungan emosi yang lemah antara pasangan. Penemuan ini menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan berbeza dalam menyatakan sebab bagi berlakunya kecurangan.

Perbezaan jantina dalam mempersepsikan kecurangan juga ditunjukkan dalam kajian perbezaan jantina dalam laporan kecurangan diri dan hubungnya yang mana mengkaji perbezaan jantina dalam berapa kerap kecurangan berlaku dan sebab akibat kecurangan (Brand, Markey, Mills, & Hodges, 2007). Penyelidik meminta responden yang pernah menipu dalam perhubungan mereka untuk menyatakan punca keadaan yang menyebabkan kecurangan itu berlaku. Keputusan menunjukkan bahawa lelaki tidak melakukan kecurangan lebih berbanding perempuan dan tidak ada perbezaan yang signifikan ditunjukkan.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan dalam akibat kecurangan di antara lelaki dan perempuan. Perempuan lebih cenderung untuk berpisah dengan pasangan mereka selepas kecurangan mereka sendiri. Lelaki lebih cenderung untuk mengambil tahu tentang kecurangan pasangan dalam apa cara yang mungkin. Kenyataan Brand et al. (2007) juga mendapati bahawa lelaki dan perempuan mempunyai kesan yang berlainan selepas kecurangan mereka dan ia juga menyokong bahawa jantina boleh mempengaruhi persepsi terhadap kecurangan.

Kajian Cramer, et al. (2008) juga mendapati jantina dan persepsi terhadap kecurangan adalah berkaitan. Jantina dilihat mempunyai kesan ke atas definisi kecurangan dan juga sebab yang berbeza untuk mengapa kecurangan berlaku.

Dalam kajian di Amerika Syarikat, lebih 2,000 orang yang menjadi wakil dalam sampel nasional menunjukkan bahawa 23 peratus lelaki dan 12 peratus wanita dilaporkan melibatkan diri dalam kecurangan perkahwinan

(Wiederman, 1997). Begitu juga, satu kajian yang dijalankan di 53 negara dengan hampir 17,000 peserta mendapati bahawa 63 peratus lelaki dan 45 peratus wanita melaporkan bahawa semasa dalam hubungan romantis, mereka telah terlibat dalam hubungan seks dengan pasangan lain (Schmitt et al., 2004).

Penyelidikan terkini memberi tumpuan kepada kecurangan fizikal dan kecurangan emosi. Sudah pasti, kecurangan fizikal dan kecurangan emosi adalah dua bentuk kecurangan yang berbeza dari segi aplikasinya. Walaupun kajian sering memberi perhatian kepada dua bentuk kecurangan ini secara berasingan (Barta & Kiene, 2005) namun adalah munasabah untuk mempercayai bahawa walaupun jenis kecurangan adalah berbeza namun kemungkinan berlakunya pertindihan wujud dan seseorang individu mungkin mengalami kedua-duanya sekali, sama ada secara serentak ataupun berturut-turut.

Dalam salah satu kajian yang dipetik daripada psikologi evolusi, Buss, Larson, Westen, dan Semmelroth (1992) bertanyakan kepada pelajar kolej tentang apakah yang mungkin lebih merimaskan atau menyedihikan mereka sama ada membayangkan pasangan romantis mereka membentuk hubungan emosi yang mendalam kepada orang lain, atau menikmati hubungan seks ghairah dengan orang lain. Teori evolusi menganjurkan bahawa untuk menjangkakan pemilihan sama ada kecurangan emosi atau kecurangan fizikal, lelaki dan wanita telah menunjukkan sensitiviti yang berbeza bagi kecurangan emosi berbanding kecurangan fizikal. Hasilnya, 60 peratus daripada lelaki memilih kecurangan seksual sebagai yang paling menyedihi berbanding hanya 17 peratus daripada wanita.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji persepsi individu terhadap kecurangan fizikal dan emosi mengikut jantina. Aspek tambahan yang diteroka dalam kajian ini adalah mengkaji persepsi individu terhadap faktor berlakunya kecurangan, perasaan yang dialami dan daya tindak yang dilakukan oleh individu apabila berlaku kecurangan dalam hubungan.

DEFINISI KONSEP

Persepsi

Gibson, et. al., (1989) memberikan definisi persepsi sebagai satu proses kognitif yang digunakan oleh individu untuk mentafsir dan memahami dunia di sekitarnya. Gibson juga menjelaskan bahawa persepsi merupakan satu proses pemberian erti atau makna terhadap sesuatu yang berada dalam lingkungan seseorang individu. Oleh itu, setiap individu dilihat memberikan makna kepada sesuatu stimulus secara berbeza walaupun isunya adalah sama. Daripada pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa persepsi merupakan suatu proses penginderaan dan stimulus yang diterima oleh individu melalui pancaindera yang kemudiannya diinterpretasikan sehingga dapat memahami tentang stimulus yang diterimanya. Proses menginterpretasikan stimulus ini pula biasanya dipengaruhi oleh pengalaman dan proses belajar seseorang individu.

Dalam kajian ini, pengkaji mengoperasikan persepsi seperti yang telah dinyatakan dalam borang soal selidik yang telah dibina oleh Gallagher (2010). Item-item yang terdapat dalam soal selidik ini mengandungi beberapa persepsi terhadap kecurangan pasangan.

Kecurangan

Kecurangan adalah perbuatan mengadakan hubungan seks dengan seseorang yang bukan suami atau isteri (Cambridge Kamus bahasa Inggeris Amerika , 2010). Menurut Torsina (1995) dalam Yohan Kurniawan et. al., (2010) menyatakan bahawa perbuatan atau sikap curang ini adalah suatu hubungan yang bersifat rahsia untuk membahagikan cinta atau seks yang dilakukan dengan pasangan baru selain daripada pasangannya yang sah. Manakala menurut Then (2002) dalam YohanKurniawan et. al., (2010) mendefinisiskan perbuatan atau sikap curang ini sebagai pertemuan seksual atau hubungan intim yang terus menerus dengan seseorang yang bukan pasangannya. Sebuah buku yang bertujuan secara profesional untuk merawat kecurangan menawarkan definisi yang lebih inklusif sebagai "pencabulan terhadap pasangan atau menyatakan perjanjian mengenai sikap eksklusif emosi dan/atau seksual" (Weeks et al., 2003).

Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan kecurangan dalam dua sudut iaitu kecurangan fizikal dan kecurangan emosi. Kecurangan fizikal dikenalpasti sebagai kecurangan yang melibatkan hubungan seks dan sentuhan fizikal dengan seseorang yang bukan pasangan yang sah. Manakala, kecurangan emosi pula dikalpasti sebagai satu keadaan di mana seseorang individu menyalurkan sumber emosi seperti kasih sayang, masa, dan perhatian kepada individu lain yang bukan pasangan mereka yang sah. Kecurangan emosi juga tidak memerlukan hubungan seks ataupun sebarang bentuk sentuhan fizikal.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan soal selidik. Dalam kajian ini, kaedah penyelidikan adalah berbentuk kuantitatif. Data kuantitatif dikumpul daripada maklumat yang diperoleh daripada responden yang telah menjawab borang soal selidik. Borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data persepsi terhadap kecurangan pasangan.

Responden Kajian

Responden kajian seramai 191 orang (63 lelaki dan 128 perempuan) yang terdiri daripada pelajar prasiswazah. Pemilihan responden adalah secara rawak tanpa melibatkan pemilihan mengikut faktor demografi seperti status perkahwinan atau umur.

Lokasi Kajian

Kajian telah dijalankan di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. Pemilihan lokasi kajian adalah disebabkan ahli pengkaji juga merupakan pekerja di Universiti Malaysia Sabah.

Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden kajian seperti jantina, umur dan status perkahwinan manakala bahagian B mengukur persepsi terhadap kecurangan dari aspek kecurangan fizikal dan emosi, faktor berlakunya kecurangan, perasaan yang dialami dan daya tindak terhadap kecurangan yang terdiri daripada 11 item. Alat kajian ini telah dibina oleh Gallagher (2010).

Analisis Data

Analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk analisis deskriptif iaitu pengkaji memerihalkan setiap item mengikut jumlah min yang diperolehi untuk melihat perbezaan persepsi terhadap kecurangan mengikut jantina. Semakin rendah nilai min yang ditunjukkan, maka pengkaji memutuskan bahawa item tersebut merupakan pilihan utama bagi responden kajian dan begitu juga sebaliknya jika nilai min tinggi, maka item tersebut bukan menjadi pilihan bagi responden kajian ini.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Persepsi terhadap kecurangan fizikal dan emosi

Keputusan kajian bagi persepsi terhadap kecurangan fizikal dan emosi mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0 : Persepsi terhadap kecurangan fizikal dan emosi

Item	Pernyataan	Min	
		Lelaki	Perempuan
1	Hubungan seksual dengan seseorang yang bukan pasangan anda adalah merupakan satu contoh kecurangan <i>A sexual relationship with a person who is NOT your significant other is an example of infidelity</i>	2.16	1.58
2	Hubungan emosi dengan seseorang yang bukan pasangan anda adalah merupakan satu contoh kecurangan <i>An emotional relationship with a person who is NOT your significant other is an example of infidelity</i>	3.21	2.86
10	Saya tidak akan mempunyai hubungan seksual dengan orang lain semasa saya sudah terikat dengan perhubungan dengan pasangan saya <i>I have never had a sexual relationship with another person while I was already in a committed relationship</i>	2.32	1.53

11	Saya tidak akan cuba membina hubungan emosi yang kuat dengan orang lain semasa saya sudah terikat dengan perhubungan dengan pasangan saya <i>I have never tried to build a strong emotional relationship with another person while I was already in a committed relationship</i>	2.50	1.77
----	---	------	------

Jadual 1.0 menunjukkan nilai min bagi setiap item dalam bahagian persepsi terhadap kecurangan mengikut jantina. Persepsi kecurangan yang dinyatakan merangkumi dua bahagian iaitu kecurangan fizikal dan kecurangan emosi. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi terhadap kecurangan antara lelaki dan perempuan.

Keputusan menunjukkan, persepsi terhadap kecurangan yang menjadi pilihan bagi lelaki adalah 'Hubungan seksual dengan seseorang yang bukan pasangan anda adalah merupakan satu contoh kecurangan'. Manakala persepsi terhadap kecurangan yang menjadi pilihan bagi perempuan adalah 'Saya tidak akan mempunyai hubungan seksual dengan orang lain semasa saya sudah terikat dengan perhubungan dengan pasangan saya'. Ini menunjukkan bahawa responden lebih memilih untuk mempersepsikan kecurangan fizikal berbanding kecurangan emosi sebagai tingkah laku kecurangan.

Dapatan kajian ini menyokong makna kecurangan yang dinyatakan dalam Cambridge Kamus bahasa Inggeris Amerika (2010) iaitu kecurangan merupakan suatu perbuatan mengadakan hubungan seks dengan seseorang yang bukan suami atau isteri. Definisi kecurangan yang dinyatakan merujuk kepada kecurangan fizikal kerana melibatkan perhubungan fizikal. Kajian Yeniceri & Kokdemir (2006) yang mengkaji persepsi dan penjelasan bagi kecurangan emosi dan kecurangan seksual juga menunjukkan secara keseluruhannya, kebanyakan responden kajian percaya bahawa pengkhianatan terhadap kedua-dua bentuk kecurangan emosi dan kecurangan fizikal adalah merupakan satu bentuk kecurangan. Dalam kajian Randall & Byers (2003) pula menyatakan bahawa definisi terhadap tingkah laku kecurangan adalah termasuk lebih kepada kecurangan tradisional, seperti mengadakan hubungan seks atau terlibat dengan individu selain daripada pasangan. Kajian telah mendapati bahawa definisi kecurangan boleh terdiri daripada banyak tingkah laku yang berbeza, namun secara jelasnya ianya berkaitan dengan hubungan seksual dan yang seangkatan dengannya (Yeniceri & Kokdemir, 2006; Randall & Byers, 2003)

Hasil kajian ini menyokong kajian Glass dan Wright (1992) yang telah meluaskan definisi kecurangan dengan meletakkan kecurangan seksual sebagai suatu hubungan seksual tanpa penglibatan hubungan emosi. Kajian mereka menunjukkan bahawa kecurangan fizikal boleh berlaku walaupun tanpa melibatkan hubungan emosi. Maka, kecurangan fizikal harus dielakkan terlebih dahulu bagi mengelakkan berlakunya kecurangan terhadap pasangan sama ada kecurangan fizikal ataupun kecurangan emosi. Beberapa penyelidikan terkini juga memberi tumpuan kepada kecurangan emosi seperti kajian Eaves & Smith (2007) yang telah menentukan kecurangan emosi sebagai satu keadaan di mana individu menyalurkan sumber emosi seperti kasih sayang, masa, dan perhatian kepada individu lain yang bukan pasangan mereka. Kesemua tindakan seperti yang dinyatakan perlu dielakkan untuk mengelakkan risiko melakukan kecurangan terhadap pasangan.

Persepsi terhadap faktor berlakunya kecurangan

Keputusan kajian bagi persepsi terhadap faktor berlakunya kecurangan mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 2.0.

Jadual 2.0 : Persepsi terhadap faktor berlakunya kecurangan

Item	Pernyataan	Min	
		Lelaki	Perempuan
3	Kecurangan selalunya terjadi dalam perhubungan disebabkan hubungan seksual yang tidak baik antara pasangan <i>Infidelity is most likely to occur in a relationship because of a poor sexual relationship between significant other</i>	3.4571	1.70368
4	Kecurangan selalunya terjadi dalam perhubungan disebabkan komunikasi yang tidak baik antara pasangan <i>Infidelity is most likely to occur in a relationship because of poor communication between significant other</i>	2.4857	1.46270

5	Kecurangan selalunya terjadi dalam perhubungan disebabkan kehilangan minat dalam perhubungan antara pasangan <i>Infidelity is most likely to occur in a relationship because of a loss of interest in the relationship between partners</i>	2.9143	1.61558
---	--	--------	---------

Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan persepsi faktor berlakunya kecurangan mengikut jantina iaitu lelaki didapati memilih item ‘Kecurangan selalunya terjadi dalam perhubungan disebabkan kehilangan minat dalam perhubungan antara pasangan’ untuk mempersepsikan faktor kecurangan berbanding perempuan yang memilih item ‘Kecurangan selalunya terjadi dalam perhubungan disebabkan komunikasi yang tidak baik antara pasangan’. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki memilih untuk mempersepsikan faktor berlakunya kecurangan adalah disebabkan oleh faktor kehilangan minat dalam perhubungan manakala responden lelaki memilih untuk mempersepsikan faktor komunikasi yang tidak berkesan antara pasangan sebagai faktor berlakunya kecurangan dalam hubungan.

Dapatan kajian ini selari dengan kenyataan (Allen et al., 2005) yang menyatakan bahawa kebosanan dan kekurangan sokongan emosi dalam sesebuah ikatan perkahwinan boleh meletakkan seseorang berisiko untuk melakukan kecurangan. Kekurangan sokongan emosi ini adalah sama seperti komunikasi yang tidak berkesan, termasuk kurang interaksi yang positif dan lebih kepada interaksi yang negatif antara pasangan (Allen et al., 2008).

Persepsi terhadap perasaan dan daya tindak jika berlaku kecurangan

Keputusan kajian bagi persepsi terhadap perasaan jika berlaku kecurangan ditunjukkan dalam jadual 3.0.

Jadual 3.0 : Persepsi terhadap perasaan dan daya tindak jika berlaku kecurangan

Item	Pernyataan	Min	
		Lelaki	Perempuan
6	Saya berasa sangat sedih jika pasangan saya terlibat dalam perlakuan seksual dengan orang lain <i>How upset would you be if your significant other engaged in a sexual act with another person?</i>	1.8485	1.78748
7	Saya berasa sangat sedih jika pasangan saya mula membina hubungan emosi yang mendalam dengan orang lain <i>How upset would you be if your significant other started building a deep emotional relationship with another person?</i>	2.1875	1.87406
8	Jika pasangan anda mempunyai hubungan seksual dengan orang lain, apakah yang anda akan lakukan: <i>If your significant other had sexual relation with another person, how likely would you be to:</i>		
8.1	Menamatkan hubungan serta merta? <i>End the relationship immediately?</i>	2.5238	2.0081
8.2	Cuba untuk menyelesaikan? <i>Try to work things out?</i>	3.6441	3.4322
8.3	Berpura-pura tidak tahu? <i>Pretend that you didn't know?</i>	5.3036	5.9107
9	Jika pasangan anda mula membina hubungan emosi yang kuat dengan orang lain, apakah yang anda akan lakukan: <i>If your significant other started building a strong emotional relationship with another person, how likely would you be to:</i>		
9.1	Menamatkan hubungan serta merta? <i>End the relationship immediately?</i>	2.9344	2.6083
9.2	Cuba untuk menyelesaikan? <i>Try to work things out?</i>	2.9344	2.7750
9.3	Berpura-pura tidak tahu? <i>Pretend that you didn't know?</i>	4.9344	5.6637

Jadual 3.0 menunjukkan nilai min bagi item dalam bahagian persepsi terhadap perasaan yang dialami jika

berlaku kecurangan. Persepsi terhadap perasaan yang dialami jika berlaku kecurangan merangkumi dua bahagian iaitu kecurangan fizikal dan kecurangan emosi. Keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi terhadap perasaan yang dialami oleh responden jika berlaku kecurangan dalam hubungan. Responden lelaki dan perempuan memilih item ‘Saya berasa sangat sedih jika pasangan saya terlibat dalam perlakuan seksual dengan orang lain’ sebagai persepsi perasaan utama terhadap kecurangan pasangan. Hasil kajian menunjukkan perasaan kesedihan yang dinyatakan menggambarkan kecurangan fizikal dan ini menunjukkan bahawa responden mempersepsikan kecurangan fizikal sebagai lebih menyediakan berbanding kecurangan emosi.

Hasil kajian konsisten dengan logik perspektif adaptasi oleh BUSS, Larsen, Westen, dan Semmelroth (1992) menunjukkan bahawa responden lelaki cenderung untuk menunjukkan kesedihan yang agak tinggi ke atas kecurangan seksual. Namun, dapatan kajian mereka berbeza dimana responden wanita cenderung untuk menunjukkan kesedihan yang tinggi ke atas kecurangan emosi. Sejak itu, banyak kajian lain yang telah melaporkan hasil kajian yang sama di beberapa budaya yang berbeza dan menggunakan kaedah yang juga berbeza (Becker, Sagarin, Guadagno, Millevoi, & Nicastle, 2004; BUSS et al, 1999; Easton, Schipper, & Shackelford, 2007; Murphy, Vallacher, Shackelford, Björklund, & Yunger, 2006; Pietrzak, Laird, Stevens, & Thompson, 2002; Sagarin, Becker, Guadagno, Nicastle, & Millevoi, 2003; Schützwohl, 2008)

Persepsi seterusnya adalah daya tindak yang dilakukan oleh seseorang individu sekiranya pasangan mereka mempunyai hubungan seksual atau hubungan emosi dengan orang lain. Kedua-dua responden lelaki dan perempuan menunjukkan cenderung untuk memberi persepsi menamatkan hubungan serta merta jika pasangan mereka melakukan kecurangan fizikal atau emosi berbanding dengan memilih untuk cuba untuk menyelesaikan atau berpura-pura tidak tahu.

Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian daripada Paul dan Galloway yang juga menggunakan pelajar ijazah sebagai subjek kajian mereka. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pelajar wanita (52%) adalah lebih cenderung berbanding lelaki (30%) mengatakan bahawa mereka akan menamatkan perhubungan jika pasangan mereka tidak setia kepada mereka.

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini adalah mengkaji persepsi individu terhadap dua bentuk kecurangan iaitu kecurangan fizikal dan emosi dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, persepsi terhadap faktor berlakunya kecurangan, perasaan yang dialami jika berlaku kecurangan dan daya tindak yang dilakukan jika berlaku kecurangan dalam hubungan turut diteroka dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan responden mempersepsikan kecurangan fizikal sebagai tingkah laku kecurangan berbanding kecurangan emosi. Dari segi faktor berlakunya kecurangan, responden lelaki menyatakan bahawa faktor hilang minta kepada pasangan sebagai punca berlakunya kecurangan manakala perempuan pula menyatakan bahawa faktor komunikasi yang tidak berkesan antara pasangan merupakan faktor berlakunya kecurangan dalam hubungan.

Dapatan kajian berkaitan persepsi terhadap perasaan jika berlaku kecurangan pula menunjukkan bahawa responden lelaki dan perempuan mengalami kesedihan yang lebih tinggi jika ia ada berkaitan dengan kecurangan fizikal berbanding kecurangan emosi.

Akhir sekali, responden menunjukkan persepsi terhadap daya tindak untuk memutuskan hubungan serta merta jika berlaku kecurangan sama ada fizikal atau emosi berbanding dengan memilih untuk cuba menyelesaikan dan pura-pura tidak tahu.

Kajian lanjut berkaitan dengan isu kecurangan pasangan perlu diberikan perhatian pada masa akan datang bagi membantu pasangan mengetahui punca, kesan serta jalan penyelesaian kepada fenomena ini. Kajian terbaru (Tafoya & Spitzberg, 2007) telah mula dijalankan bagi mengkaji fungsi komunikatif kecurangan, termasuk niat untuk menyelenggara, membaiki, atau menamatkan sesuatu perhubungan.

RUJUKAN

- Allen, E. S., Atkins, D. C., Baucom, D. H., Snyder, D. K., Gordon, K. C., & Glass, S. P. (2005). Intrapersonal, interpersonal, and contextual factors in engaging in and responding to extramarital involvement. *Clinical Psychology: Science and Practice*, 12, 101–130.
- Allen, E., Rhoades, G., Stanley, S., Markman, H., Williams, T., Melton, J., & Clements, M. (2008). Premarital precursors of marital infidelity. *Family Process*, 47 (2), 243-259.

- Barta, W. D., & Kiene, S. M. (2005). Motivations for infidelity in heterosexual dating couples: The roles of gender, personality differences, and sociosexual orientation. *Journal of Social and Personal Relationships*, 22, 339-360.
- Brand J., Markey, C., Mills, A., & Hodges S., (2007). Sex differences in self-reported infidelity and its correlates. *Sex Roles*, 57 (1-2), 101-109.
- Buss, D. M., Larsen, R. J., Westen, D., & Semmelroth, J. (1992). Sex differences in jealousy: Evolution, physiology, and psychology. *Psychological Science*, 3, 251-255.
- Cohan, Alexis B. (2005). The relation of attachment to infidelity in romantic relationship: An exploration of attachment style, perception of partner's attachment style, relationship satisfaction, relationship quality and gender differences in sexual behaviors. Ph.D dissertation, Adelphi University, The Institute of Advanced Psychological Studies, United States- New York.
- Cramer, R., Lipinski, R., Meteer, J., & Houska, J. (2008). Sex differences in subjective distress to unfaithfulness: Testing competing evolutionary and violation of infidelity expectations hypotheses. *The Journal of Social Psychology*, 148(4), 389-405.
- Easton, J. A., Schipper, L. D., and Shackelford, T. K. (2007). Morbid jealousy from an evolutionary psychological perspective. *Evolution and Human Behavior*, 28, 399-402.
- Eaves, S. H., & Robertson-Smith, M. (2007). The relationship between self-worth and marital infidelity: A pilot study. *The Family Journal*, 15, 382-386.
- Glass, S. P., and Wright, T. L. (1988). Clinical implications of research on extramarital involvement. In R. Brown and J. Fields (Eds.), *Treatment of Sexual Problems in Individual and Couples Therapy* (pp. 301-346). Costa Mesa, CA: PMA.
- Henline, B. H., Lamke, L. K., & Howard, M. D. (2007). Exploring perceptions of online infidelity. *Personal Relationships*, 14, 113-128.
- Randall, H. E., & Byers, E. S. (2003). What is sex? Students' definitions of having sex, sexual partner, and unfaithful sexual behavior. *The Canadian Journal of Human Sexuality*, 12, 87-96.
- Schmitt, D. P. et al. (2004). Patterns and universals of mate poaching across 53 nations: The effects of sex, culture, and personality on romantically attracting another person's partner. *Journal of Personality and Social Psychology*, 86, 560-584.
- Weeks, G. R., Gambescia, N., & Jenkins, R.E. (2003). Treating infidelity: Therapeutic dilemmas and effective strategies. New York, NY: W.W. Norton and Company.
- Wiederman, M. (1997). Extramarital sex: Prevalence and correlates in a national study. *The Journal of Sex Research*, 34, 167-174
- Yeneceri, Z., & Kokdemir, D. (2006). University students' perceptions of, and explanations for, infidelity: The development of the infidelity questionnaire (INFQ). *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 34(6), 639-650